



NEGERI PAHANG

Warta Kerajaan

DITERBITKAN DENGAN KUASA

GOVERNMENT OF PAHANG GAZETTE

PUBLISHED BY AUTHORITY

Jil. 74
No. 4

19hb Februari 2021

*TAMBAHAN No. 3
PERUNDANGAN*

Phg. P.U. 3.

AKTA JALAN, PARIT DAN BANGUNAN 1974

UNDANG-UNDANG KECIL (PENKOMPANAN KESALAHAN-KESALAHAN) JALAN,
PARIT DAN BANGUNAN (MAJLIS DAERAH CAMERON HIGHLANDS) 2020

SUSUNAN UNDANG-UNDANG KECIL

BAHAGIAN I

PERMULAAN

Undang-undang kecil

1. Tajuk ringkas dan pemakaian
2. Tafsiran

BAHAGIAN II

KOMPAUN

3. Pengkompaunan kesalahan-kesalahan
4. Wang yang dikhendaki dipungut dan cara pembayaran

BAHAGIAN III

AM

Undang-
undang
kecil

5. Pemansuhan dan peruntukan peralihan

JADUAL PERTAMA

AKTA JALAN, PARIT DAN BANGUNAN 1974

UNDANG-UNDANG KECIL (PENGKOMPANAN KESALAHAN-KESALAHAN) JALAN,
PARIT DAN BANGUNAN (MAJLIS DAERAH CAMERON HIGHLANDS) 2020

PADA menjalankan kuasa yang diberikan oleh seksyen 133 Akta Jalan, Parit dan Bangunan 1974 [Akta 133], Pihak Berkuasa Negeri dengan ini membuat undang-undang kecil yang berikut:

BAHAGIAN I

PERMULAAN

Tajuk ringkas dan pemakaian

1. (1) Undang-undang kecil ini bolehlah dinamakan **Undang-Undang Kecil (Pengkompanaan Kesalahan-Kesalahan) Jalan, Parit dan Bangunan (Majlis Daerah Cameron Highlands) 2020**.

(2) Undang-Undang Kecil ini hendaklah terpakai bagi kawasan Majlis Daerah Cameron Highlands.

Tafsiran

2. Dalam Undang-Undang Kecil ini, melainkan jika konteksnya menghendaki makna yang lain—

“Majlis” ertinya Majlis Daerah Cameron Highlands;

“orang” termasuklah suatu syarikat, suatu perkongsian, suatu kumpulan orang-orang dan suatu perbadanan tunggal;

“Pegawai Undang-Undang” ertinya Pegawai Undang-Undang yang dilantik oleh Majlis;

“Setiausaha” ertinya Ketua Pegawai Pentadbir yang dilantik oleh Pihak Berkuasa Negeri atau mana-mana pegawai yang pada masa ini menjalankan kewajipan Ketua Pegawai Pentadbir dengan sah di sisi undang-undang;

“Yang Dipertua” ertinya Yang Dipertua Majlis Daerah Cameron Highlands.

BAHAGIAN II

KOMPAUN

Pengkompanaan kesalahan-kesalahan

3. (1) Kesalahan yang dinyatakan di dalam ruang A Jadual Pertama boleh dikompau dengan jumlah bayaran sebagaimana yang dinyatakan di dalam ruang B Jadual Pertama.

(2) Yang Dipertua, Setiausaha atau Pegawai Undang-Undang Majlis boleh mengkompaun mana-mana kesalahan di bawah perenggan (1) dengan membuat suatu tawaran bertulis kepada orang yang disyaki telah melakukan kesalahan itu dengan membayar kepada Majlis, dalam tempoh yang dinyatakan dalam tawaran itu.

(3) Suatu tawaran di bawah perenggan (2) boleh dibuat pada bila-bila masa selepas kesalahan itu dilakukan tetapi sebelum apa-apa pendakwaan baginya dimulakan, dan jika jumlah yang dinyatakan dalam tawaran itu tidak dibayar sebagaimana yang dibenarkan oleh Yang Dipertua, Setiausaha atau Pegawai Undang-Undang Majlis, pendakwaan terhadap kesalahan itu boleh dimulakan pada bila-bila masa selepas itu terhadap orang yang kepadanya tawaran itu telah dibuat.

(4) Jika suatu kesalahan telah dikompaunkan di bawah perenggan (2), tiada pendakwaan boleh dimulakan selepas itu berkenaan dengan kesalahan itu terhadap orang yang kepadanya tawaran untuk mengkompaun telah dibuat dan apa-apa benda yang disita berkaitan dengan kesalahan itu hendaklah dilepaskan, tertakluk kepada apa-apa terma dan syarat yang ditetapkan.

Wang yang dikehendaki dipungut dan cara pembayaran

4. (1) Jumlah wang yang boleh dipungut oleh Majlis bagi mengkompaun suatu kesalahan dilakukan di bawah mana-mana undang-undang kecil yang dibuat di bawah Akta ini hendaklah tidak boleh melebihi had jumlah bayaran kompaun yang ditetapkan di ruang B dalam Jadual Pertama.

(2) Segala wang pembayaran kompaun hendaklah dibayar dengan wang tunai atau kiriman wang, wang pos, kad debit, kad kredit, pembayaran atas talian, pesanan juruwang, pesanan bank atau bank draf yang dibuat untuk dibayar kepada Yang Dipertua Majlis Daerah Cameron Highlands dan dipalang "Akaun Penerima Sahaja". Pembayaran juga boleh dibuat melalui apa-apa cara lain seperti yang ditetapkan oleh Majlis dari semasa ke semasa.

(3) Pembayaran boleh diserahkan di pejabat Majlis atau di mana-mana cawangan yang ditetapkan oleh Majlis, dan sekiranya bayaran dibuat melalui pos, ia hendaklah dialamatkan kepada Yang Dipertua Majlis Daerah Cameron Highlands.

(4) Tiap-tiap bayaran yang diterima hendaklah dimasukkan sebagai wang hasil Majlis Daerah Cameron Highlands dan suatu resit rasmi hendaklah dikeluarkan kepada orang yang telah diberikan tawaran mengkompaun itu.

BABAGIAN III

AM

Pemansuhan dan peruntukan peralihan

5. (1) Undang-Undang Kecil (Mengkompaun Kesalahan-Kesalahan) Jalan, Parit dan Bangunan (Majlis Daerah Cameron Highlands) 1983 [Phg. P.U. 23/1984] dimansuhkan.

(2) Apa-apa notis, perintah, kompaun, lesen atau dokumen yang dibuat atau dikeluarkan di bawah undang-undang kecil yang dibatalkan hendaklah disifatkan telah dibuat atau dikeluarkan di bawah Undang-Undang Kecil ini dan hendaklah terus berkuat kuasa sehingga dibatalkan.

JADUAL PERTAMA

{Undang-undang kecil 4}

A	B
<p>Kesalahan-Kesalahan di bawah Akta Jalan Parit dan Bangunan 1974 dan undang-undang kecil yang dibuat di bawahnya</p> <p>Seksyen - 9(7), 9(9), 16(3), 17(4), 34, 39(2), 40, 41, 42, 43(2), 47(2), 52, 55, 58(4), 59(3), 70(11), 70(12), 70(13), 70A(9), 70B(15), 71, 73(1), 73(2), 73(3), 80, 82, 85, 85A(13), 100, 121, 127, 133</p> <p>Seksyen - 4(3), 29, 30, 31, 38, 39(1), 46, 47(1), 56, 57, 72, 76, 78, 79, 84, 87, 104, 124</p>	<p>Had jumlah bayaran kompaun</p> <p>Sejumlah wang tidak melebihi lima puluh peratus (50%) daripada denda maksimum yang dengannya kesalahan itu boleh dihukum dalam tempoh yang ditetapkan</p> <p>Sejumlah wang tidak melebihi jumlah denda maksimum yang dengannya kesalahan itu boleh dihukum dalam tempoh yang ditetapkan</p>

Dibuat 8 Disember 2020

DATO' HAJI ZAINAL ABIDIN BIN MD AMIN
Yang Dipertua
Majlis Daerah Cameron Highlands

Disahkan 10 Disember 2020
[SUKPHG-3.600-1/1/29: PUN.PHG.D/100/28/17]

SYED AHMAD KHIRULANWAR ALYAHYA
BIN SYED ABDUL RAHMAN
Setiausaha
Majlis Mesyuarat Kerajaan
Pahang